

28/03/2000

Kemenangan bagi seluruh orang Melayu

MELAYU yang peka akan sentiasa mengingati kembali sejarah mengapa bangsanya satu ketika boleh jatuh ke tangan penjajah. Perebutan kuasa sesama Melayulah yang mengundang kepada campur tangan asing sehingga menyebabkan kita dijajah hampir 450 tahun lamanya sebelum memperolehi kemerdekaan pada 1957. Serik dan tidak mahu ia berulang lagi, orang Melayu menerusi Umno terus menguatkan ikatan dan jalinan bangsa. Orang Melayu tidak mahu haknya sebagai pendukung dinamisme kecemerlangan bangsa dan negara pupus disebabkan perpecahan. Kita percaya Umno sebagai tonggak ketuanan politik Melayu hanya akan berjaya mengekalkan dominasinya di persada politik tanah air jika bangsanya tetap memberi mandat penuh kepada parti itu. Ahli akur perebutan untuk berkuasa dalam parti akan hanya menghancurkan Umno. Justeru, demi perpaduan ahli dan keutuhan parti, Umno selalu membelakangkan apa jua unsur yang boleh mencetuskan bibit perpecahan sehingga ada mendakwa tiada lagi demokrasi dalam parti itu.

Ahli Umno mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kekal sebagai Presiden selepas menerima 133 pencalonan, melebihi jumlah minimum bagi jawatan itu. Kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kita juga mengucapkan selamat menjawat jawatan baru yang secara tidak rasmi sudah dimenangi beliau tanpa bertanding. Ahli yakin 30 bahagian lain yang masih belum bermesyuarat, akan terus mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah. Berdasarkan keputusan pencalonan itu, tiada siapa lagi yang layak untuk bertanding jawatan nombor satu dan dua Umno itu.

Keputusan bahagian mencalonkan kedua-dua pemimpin itu tentulah berdasarkan rekod perkhidmatan mereka, dan Umno masih memerlukan pemimpin yang sentiasa mendukung cita-cita murni perjuangan bangsa. Lebih penting, pencalonan besar yang diterima oleh Dr Mahathir dan Abdullah menggambarkan iltizam dan sokongan berterusan seluruh ahli serta orang Melayu untuk membantu pucuk pimpinan sedia ada mentadbir parti. Umno tidak rela kepada lebih dua juta ahlinya dan seluruh orang Melayu, berpecah-belah. Kita bersyukur sehingga ini tidak ada tanda-tanda perpecahan wujud akibat pemilihan kali ini sama ada pada peringkat cawangan atau bahagian.

Keputusan itu sekali gus juga membuktikan kewarasan perwakilan Umno yang membuat pemilihan apa yang baik untuk mereka dan parti. Sesungguhnya mereka sudah berlaku adil dan patuh kepada nasihat Majlis Tertinggi (MT). Ahli Umno sudah sehaluan membuat pemilihan sewajarnya, berlandaskan semangat pencalonan yang ditentukan oleh bahagian masing-masing. Kemenangan kedua-dua mereka adalah kemenangan Umno dan orang Melayu keseluruhannya. Dengan memberi sokongan padu kepada barisan pemimpin sedia ada, membolehkan penerusan tugas parti dan negara menjadi lebih mudah.

Didorong kesanggupan ahli mengetepikan soal titik bengik yang jelas digambarkan menerusi mesyuarat bahagian kali ini, kita dapat melihat ahli berjaya meletakkan diri mereka sebagai orang Melayu yang sangat mementingkan realiti. Umno tidak lagi berminat membincangkan soal sentimen, menjatuhkan mana-mana pemimpin untuk berkuasa dan lebih menakutkan - berpuak-puak - sebaliknya menjuruskan pemikiran kepada soal global serta masa depan parti. Keputusan kelmarin itu juga menunjukkan ahli tidak mahu terus diselimuti kebimbangan berasaskan hipotikal bahawa apabila berlaku pertandingan akan wujud golongan tidak puas hati sehingga sanggup mengambil tindakan yang boleh memberi kesan negatif kepada parti. Mereka khuatir jika proses seperti ini berulang setiap kali pemilihan, Umno pasti lemah. Pengalaman 1987 terus dihayati kerana ia adalah punca

kepada segala masalah dalam Umno. Jika ada pihak yang mahu melihat krisis dalam Umno, lebih baik mereka melupakan sahaja harapan itu.

Kini tumpuan pertandingan ialah untuk tiga jawatan Naib Presiden yang mana sehingga kini ramai yang layak. Perhatian juga difokuskan kepada pemilihan Ketua Wanita dan anggota MT Umno. Bagi ahli Umno, apapun keputusannya bagi semua jawatan itu, ia adalah proses biasa dalam Umno yang mengamalkan demokrasi. Sudah menjadi adat pertandingan, ada menang dan tewas. Cuma perlu dihayati pertandingan dalam Umno adalah proses menawarkan diri untuk berkhidmat. Jika tewas pun, tidak bermakna perkhidmatan mereka tidak diperlukan. Hukum berpolitik juga memaktubkan pemimpin datang dan pergi. Namun matlamat perjuangan membela bangsa kekal sebagai sesuatu yang hakiki.

(END)